

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH** : **4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN NO. 36**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah *overworked frontliners* dan kesesakan di hospital akibat terlalu banyak pesakit yang kini semakin serius di mana penjagaan pesakit di hospital telah pun terjejas (*compromised*) dan merosot.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin bagi memastikan kebajikan anggota *frontliners* diberi perhatian sewajarnya. Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani masalah *overwork* adalah:

- (i) Memastikan beban kerja *frontliners* ditangani sebaiknya dengan melaksanakan perkara seperti berikut iaitu:
  - (a) Mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja melalui pelaksanaan kerja secara syif (*shift duty*) dilakukan bagi mengurangkan kelesuan dan keletihan (*burnout*) di kalangan anggota perubatan.
  - (b) Perkongsian tanggungjawab serta mobilisasi anggota secara dalaman dan luaran bagi merawat pesakit COVID-19.
  - (c) Pengambilan sukarelawan dari agensi luar KKM.
  - (d) Melantik petugas tambahan secara lantikan kontrak.
  - (e) Penggunaan teknologi maklumat seperti perkhidmatan secara maya seperti '*virtual clinic*' telah dimulakan dan diperluaskan ke beberapa hospital serta klinik kesihatan. Kini, konsultasi pesakit COVID-19 melalui atas talian seperti virtual CAC juga merupakan antara usaha untuk meringankan beban tugas anggota kesihatan di CAC malah turut dapat memberi keselesaan bagi pesakit COVID-19 tanpa perlu beratur lama di CAC.
- (ii) Menyediakan sokongan psikososial dan kesihatan mental menerusi Perkhidmatan Kesihatan Mental Dan Sokongan Psikososial (MHPSS) COVID-19 melalui Talian Sokongan

Psikososial untuk memberi sokongan emosi dan kaunselling kepada petugas kesihatan.

2. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga berusaha untuk meningkatkan kapasiti bagi menangani kesesakan di fasiliti KKM iaitu:

- (i) Meningkatkan jumlah hospital-hospital awam yang boleh menerima pesakit COVID-19 dari masa ke semasa bagi menangani pertambahan pesakit COVID-19 dan mengurangkan kesesakan di hospital COVID-19 sedia ada. Secara keseluruhan, 127 hospital telah dijadikan sebagai hospital COVID-19 di mana jumlah ini telah meningkat daripada 47 hospital sahaja pada Januari 2021.
- (ii) Kolaborasi dengan hospital pengajar, ATM dan hospital swasta dalam menyediakan perawatan pesakit COVID-19. Setakat ini, 6 hospital pengajar, 1 hospital ATM dan 112 hospital swasta yang terlibat.
- (iii) Menjadualkan semula kes-kes pembedahan elektif di hospital KKM bagi memastikan semua sumber yang ada merangkumi katil di wad-wad, anggota kesihatan dan peralatan dapat dioptimumkan bagi merawat pesakit COVID-19.
- (iv) Melaksanakan kaedah penyumberluaran bagi pesakit selain COVID-19 mendapatkan rawatan di 25 hospital bukan COVID-19, 107 hospital *hybrid COVID-19* dan 76 hospital swasta.

Sekian, terima kasih.